



UTM  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

# TEKS AMANAT



Menginovasi Teknologi, Membudaya Integriti

23 Januari 2024 (Selasa) • 9.00 Pagi  
Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru

Lintas langsung  
Dewan Tan Sri Ainuddin Wahid, UTM Kuala Lumpur  
dan Kampus UTM Pagoh

*Menginovasi Penyelesaian*



**Teks Amanat  
Majlis Amanat Naib Canselor Tahun 2024**

***Isi Kandungan***

<b>1) Pengenalan</b>	<b>2</b>
<b>2) Segmen Refleksi</b>	<b>5</b>
<b>3) Segmen Cabaran</b>	<b>7</b>
<i>Cabaran Pertama: Ketidaktentuan Dunia</i>	<i>7</i>
<i>Cabaran Kedua: Adab, Integriti dan Etika Profesionalisme</i>	<i>8</i>
<i>Cabaran Ketiga: Teknologi AI, Nilai Kemanusiaan dan Kewibawaan Insan</i>	<i>12</i>
<b>4) Pelan Tindakan 2024: enVision Moonshot Transformative Journey 2.0</b>	<b>13</b>
<i>enVision Moonshot 2.0 yang Pertama: Melahirkan Graduan Berkualiti Berorientasikan Masa Hadapan</i>	<i>14</i>
<i>enVision Moonshot 2.0 yang Kedua: Impak Penyelidikan</i>	<i>25</i>
<i>enVision Moonshot 2.0 yang Ketiga: Kelestarian</i>	<i>29</i>
<i>enVision Moonshot 2.0 yang Keempat: Transformasi Digital</i>	<i>31</i>
<i>enVision Moonshot 2.0 yang Kelima: Kesohoran Global</i>	<i>36</i>
<b>5) Tadbir Urus Baik</b>	<b>43</b>
<b>6) Agihan Bajet - Kewangan</b>	<b>44</b>
<b>7) Penutup</b>	<b>47</b>

## MENGINOVASI TEKNOLOGI, MEMBUDAYA INTEGRITI

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum wrh wbt dan Salam Sejahtera dan Salam UTM Sanjungan Bangsa buat semua warga Universiti Teknologi Malaysia.

**Tuan-tuan dan Puan-puan,**

### **1) Pengenalan**

#### **Ucapan Pembukaan**

1. Untuk memulakan sesi amanat ini, ingin saya mengungkap secara ringkas idealisme universiti sebagai wadah keintelektualan serta membangun kebudayaan tinggi untuk kemajuan watan.
  
2. Universiti adalah taman ilmu indah, yang padanya menyuluhi jalan buat insan, medan mencari kebenaran, memperteguh kewibawaan dan kejujuran, membugar pemikiran, menyubur kemanusiaan, menginovasi penyelesaian, memimpin melalui teladan, dan membangun negara idaman.

## EDARAN DALAMAN

3. Momen tahun 2023 berlalu pergi, namun memorinya terpahat dalam sanubari.
4. Tahun 2024 membuka lembaran dan mencipta harapan.
5. Kepada makhluk kita **berbakti**, kepada Tuhan kita **berserah diri**.
6. Tahun 2023 lalu menyaksikan pelbagai momen bersejarah yang mencipta kesohoran UTM sebagai universiti penyelidikan berteraskan sains, teknologi dan kejuruteraan.
7. Kecemerlangan tahun 2023 lalu adalah berciri **versatil** atau serba boleh.
8. UTM tidak hanya mencapai keunggulan dalam penyelidikan dan penerbitan, bahkan turut cemerlang dalam pengajaran, kebolehpasaran graduan, penarafan universiti global, pembangunan pelajar, dan pengiktirafan pengkomersialan produk.

9. **Kecemerlangan versatil** ini merupakan satu keberhasilan terhadap komitmen teguh warga UTM kepada 7P - Pengajaran, Penyelidikan & Penyeliaan, Penulisan, Perundingan & Pengkomersialan, Perkhidmatan Kepada Watan, Perkhidmatan Profesional, dan Pentadbiran.

**Hadirin yang dimuliakan,**

10. Saya ingin mengambil kesempatan untuk meminta semua *Citizens of UTM* di dalam dewan ini, bersama-sama **kita berdiri memberikan tepukan paling gemuruh**, sebagai penghargaan atas segala kerjasama, komitmen, keikhlasan dan pencapaian cemerlang yang kita raih pada tahun 2023 dan tahun-tahun yang sudah.

## 2) Segmen Refleksi

Hadirin-Hadirat Sekalian,

11. Kecemerlangan versatil yang terjana pada tahun 2023 lalu seharusnya juga membawa bersamanya nilai-nilai integriti dan kejujuran yang memperkuat makna **Kecemerlangan Berpaksikan Kewibawaan Insan.**
12. Namun, apakah kecemerlangan begini benar-benar mengambil tempatnya, atau cuma kecemerlangan yang bersifat sementara, tidak bersamanya jiwa (*soul*) yang memaknai kejayaan yang digapai?
13. Dalam **Falsafah Pendidikan Kebangsaan** yang dibentuk sejak tahun **1988**, Wan Mohd Zahid Mohd Noordin (2019) melalui satu bab dalam buku berjudul Pentafsiran Baharu Falsafah Pendidikan Kebangsaan menyatakan bahawa falsafah ini amat mustahak dalam membentuk **nilai kemanusiaan** (*humanistic value*).
14. Hanya kira-kira 20 tahun selepas pembentukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini, frasa “**Excellence without a soul**” diungkapkan oleh Harry Lewis (2006) dalam bukunya

yang menyingkap persoalan nilai dalam pendidikan tinggi kontemporari, mengingatkan kita terhadap nilai yang semakin tertinggal dalam Menara Gading ini.

15. Aspek nilai, **integriti**, profesionalisme, dan adab harus mengambil tempat yang sepatutnya, apatah lagi UTM jelas dengan slogan keramat “**Kerana Tuhan Untuk Manusia**”.
16. Kecemerlangan versatil yang digapai sepanjang tahun lalu menjadi satu batu asas penting dalam melakar siri kejayaan lebih besar untuk tahun 2024 dan tahun seterusnya.
17. Keunggulan universiti dalam bentuk menyeluruh ini adalah cerminan terhadap dua daripada empat nilai teras UTM iaitu **KECEMERLANGAN & SINERGI**.
18. Persoalannya, bagaimanakah kecemerlangan versatil ini mahu ditampil, ditonjol dan dilestarikan untuk jangka panjang?
19. Jawapan terhadap persoalan ini ada pada dua lagi nilai teras UTM, iaitu **INTEGRITI DAN KELESTARIAN**.

### 3) Segmen Cabaran

#### Cabaran Pertama: Ketidaktentuan Dunia

Hadirin sekalian,

20. Dunia menghadapi perubahan disruptif yang pantas, seperti isu *planetary health*, ketidaktentuan ekonomi global yang dipacu oleh geopolitik dunia termasuk perang di Gaza dan Ukraine, perkembangan pesat dunia digital khasnya teknologi kecerdasan buatan (AI), isu keterjaminan makanan dan perubahan iklim dunia.
  
21. Senario dunia semasa ini memerlukan UTM menjadi tangkas dan tuntas dalam mengharungi cabaran tersebut.
  
22. UTM perlu merangka dan melaksana pelan strategi jangka masa sederhana dan panjang bagi menjamin **KELESTARIAN** dalam pengajaran, penyelidikan & inovasi, perkhidmatan, dan kemampunan kewangan.

23. Bermula tahun 2024 ini, UTM akan memulakan langkah menyediakan **Pelan Strategi Universiti 2026-2030** dengan mengambil kira cabaran dunia semasa dan jangkauan masa hadapan.
24. Dalam menangani risiko yang telah dan bakal wujud, **Pengurusan Risiko** akan diberikan penumpuan, termasuklah Pelan Mitigasi Risiko dalam memastikan strategi yang digariskan akan tetap dapat dicapai walau dalam apa keadaan sekalipun.

### **Cabaran Kedua: Adab, Integriti dan Etika Profesionalisme**

25. Kita turut berdepan cabaran melibatkan **Adab, Integriti dan Etika Profesionalisme**.
26. UTM sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi unggul, perlu **mengekalkan kepercayaan awam dan kredibiliti institusi** sebagai sebuah Universiti berteraskan teknologi watan.
27. Staf universiti perlu **memahami kepentingan** adab, integriti dan etika profesionalisme dalam setiap komunikasi dan kelakuan.

## EDARAN DALAMAN

28. Setiap ketua PTJ/jabatan, hatta unit sekalipun, perlu **bertanggungjawab** memupuk budaya yang menyokong ketinggian adab dan keteguhan integriti, serta meletakkan nilai teras **ISES** di tahap tertinggi.
29. Kita harus istiqomah menjadi contoh teladan dalam amalan etika profesionalisme, dan bersikap telus dalam **setiap keputusan dan tindakan** yang diambil, selari dengan undang-undang, peraturan dan garis panduan.
30. **Pematuhan** terhadap standard etika, peraturan dan undang-undang harus diutamakan untuk memastikan **imej universiti terpelihara** daripada sebarang unsur yang boleh menggugat kepercayaan awam terhadap Universiti.
31. Justeru, berikut merupakan **langkah** bagi memperkasa adab, integriti dan etika profesionalisme.
32. **Pertama**, kita telah dapat menginstitusikan ISES dan menerbitkan buku ISES pada tahun 2023, dan juga telah melaksanakan Fiesta ISES pada Disember 2023.

33. Saya berharap **program seumpama** ini wajar dianjurkan secara tahunan, dan disertai oleh semua lapisan staf UTM, baik **staf akademik** atau PPP.
34. **Kedua**, bersabit hal Integriti, ingin saya menekankan kepentingan melakukan **Penambahbaikan Kualiti Secara Berterusan (Continuous Quality Improvement, CQI)** bagi menjadikan diri kita dan proses kerja kita lebih baik berbanding hari-hari semalam.
35. **Ketiga**, Universiti tidak berkompromi terhadap sebarang pelanggaran etika, penyalahgunaan kuasa dan sikap tidak beramanah.
36. Tindakan dan penambahbaikan segera akan terus diformulasi dan dijalankan pada 2024 dan tahun seterusnya.
37. Antara yang utama adalah, keperluan **Pembangunan Daftar Risiko Rasuah** di bawah saranan *Organisational Anti Corruption Plan* (OACP) yang memfokuskan kepada keberkesanan kawalan dalaman serta penetapan pelan mitigasi risiko yang dapat mengurangkan risiko yang dikenalpasti.

38. **Keempat**, Universiti bercadang memperkasakan **program sangkutan (attachment program)** bersiri sekurang-kurangnya untuk tempoh satu kuartil (3 bulan) kepada staf PPP di syarikat konglomerat terpilih dalam negara bagi meningkatkan profesionalisme staf.
39. **Kelima**, CTLD perlu memainkan peranan, dengan kerjasama setiap PTJ, untuk menganjurkan lebih banyak siri **program latihan** berkaitan adab, integriti dan etika profesionalisme.

### Cabaran Ketiga: Teknologi AI, Nilai Kemanusiaan dan Kewibawaan Insan

40. UTM telah dipilih sebagai institusi yang menerima dana sebanyak RM20 juta untuk menubuhkan Fakulti Kecerdasan Buatan (FAI) bermula tahun ini.
41. Fakulti AI akan bertapak dari UTM Kuala Lumpur dan akan memulakan program akademiknya dijangka bermula sesi akademik 2024/2025 pada Oktober nanti.
42. Teknologi AI amat berguna khasnya dalam konteks kelestarian dan mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*, SDG).
43. Walaupun begitu, teknologi AI bukanlah *panacea* (penyelesaian universal) kepada semua permasalahan.
44. Keupayaan berempati, bernegosiasi, membina kepercayaan, dan memperkuuh hubungan profesional dan personal masih tetap dimiliki oleh makhluk yang bernama **MANUSIA**.

**4) Pelan Tindakan 2024: enVision Moonshot Transformative Journey 2.0**

Hadirin sekalian,

45. Untuk tahun 2024 ini, UTM telah merangka Pelan Tindakan yang dapat membawa universiti ke hadapan.
46. Pelan ini juga telah mendapat ‘restu’ daripada Lembaga Pengarah Universiti semasa LPU *Retreat Disember 2023* yang lalu.
47. Tahun ini, UTM memperkenalkan **enVision Moonshot Transformative Journey 2.0** bagi mencapai maksud tersebut.
48. Setiap fokus dalam enVision Moonshot 2.0 ini adalah sejajar dengan **Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024, Gagasan Malaysia MADANI, Rancangan Malaysia Ke-12** dan **Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)**.

**enVision Moonshot 2.0 yang Pertama: Melahirkan Graduan Berkualiti Berorientasikan Masa Hadapan**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan,**

49. Secara ringkas, graduan berkualiti berorientasikan masa hadapan bermaksud graduan yang dihasilkan UTM mempunyai **pemikiran berdaya maju**, memandang ke **masa hadapan** sebagai satu cara mempersiap diri dengan pelbagai **cabaran dan perubahan** dunia serta negara.
50. Kita harus meneroka sisi berbeza pelajar UTM yang perlu kita bangunkan, berciri holistik, dan mampu menjadi pemimpin yang **versatil** pada masa hadapan.
51. Justeru, kita mesti komited untuk memacu program akademik dalam melahirkan graduan berkualiti berorientasikan masa hadapan, melalui inisiatif berikut.

**Inisiatif Pertama: Graduan Berpendapatan Premium dan Atribut Baharu Graduan UTM**

52. Graduan berpendapatan premium UTM mencatat angka 31% secara keseluruhan, dan daripada itu, 15.9% ialah graduan prasiswazah UTM (Warganegara) yang memperoleh pendapatan RM4,000.00 dan ke atas pada tahun 2022.
53. Selaras dengan hasrat KPT dalam memastikan graduan memperoleh pendapatan Premium, Universiti pada tahun ini akan memperkenalkan inisiatif 'WOW' yang lebih mengagumkan.
54. Pusat Kerjaya bersama-sama dengan fakulti perlu menjalankan kerjasama berfokus dengan Top 5, Top 10, dan Top 15 UTM Premium Employers.
55. Setiap fakulti mempunyai industri premium yang berbeza dan bersesuaian dengan program akademik masing-masing.
56. Antara industri premium UTM yang utama ialah Intel, Micron, Huawei, Exxonmobil, Dyson, dan Petronas.

## EDARAN DALAMAN

57. Bagi memperkuuh kualiti graduan, UTM memperkenalkan enam (6) atribut baharu graduan UTM iaitu **Adab, Innovative Talent, Constructive Citizen, Enterprising Skills, Social Intelligence** dan **Scholars**.
58. Untuk menterjemah enam (6) atribut ini, pelbagai wahana dicipta untuk para pelajar, prasiswazah dan pascasiswazah, seperti SULAM, *Work Based Learning (WBL)*, *Virtual & International Internship*, & *Professional Skills Certificate* (PSC).
59. Untuk memperkasakan daya fikir para pelajar UTM, wadah program seperti *internship* luar negara diciptakan agar para pelajar berpemikiran **global** dalam membentuk *worldview* yang **sarwajagat**.

**Inisiatif Kedua: Memperkemas Kurikulum Berorientasikan Masa Hadapan**

60. UTM mempunyai sekitar **316 program akademik** yang telah mendapat akreditasi di bawah Swaakreditasi dan beberapa Badan Profesional.
61. Namun, persoalan kritikal yang perlu difikirkan bersama oleh semua pihak, terutamanya pemunya program ialah, **“adakah program akademik kita masih relevan untuk masa hadapan?”**.
62. Universiti tidak boleh memperjudikan masa hadapan pelajar dengan menawarkan bidang ilmu yang tidak lagi relevan selepas mereka bergraduan.
63. Sebahagian program perlu melalui perubahan yang signifikan supaya lebih relevan untuk ditawarkan.
64. Maka, UTM perlukan program ***non-tradisional*** yang lebih **berdaya maju** dan **relevan** dengan keperluan komuniti, industri, watan dan global.

## EDARAN DALAMAN

65. Selain bidang teknologi Kecerdasan Buatan, UTM harus mempunyai kekuatan untuk menerokai bidang ilmu bersifat *interdisciplinary* dan *transdisciplinary* untuk memenuhi keperluan negara dalam **bidang baharu** seperti *Sustainability, Fintech, dan Clean Energy*.
66. UTM juga akan memperluaskan akses kepada pendidikan melalui pemerkasaan Inisiatif *Transnational Education* (TNE). Terdapat permintaan yang tinggi dari Jepun, Korea, China, Arab Saudi, Iran, Iraq, Indonesia dan lain-lain.
67. Oleh itu, model TNE yang sedang ditawarkan perlu diperkasakan, maka UTM akan memperkenalkan ***International Offshore Postgraduate Program***.

**Inisiatif Ketiga: Research-led Teaching**

68. UTM telah menerima dana penyelidikan daripada pelbagai pihak dan turut menyediakan dana dalaman untuk memperkasa penyelidikan dan penerbitan dalam pelbagai medium.
69. Perkongsian hasil kajian ini dapat membawa nafas baharu kepada landskap pendidikan tinggi melalui penemuan terkini, yang dapat memperkuuh pengetahuan pelajar tentang teknologi, metodologi, dan teori baharu.
70. Bermula tahun 2024, pendekatan ***Research-led Teaching*** akan dilaksanakan dengan mengenalpasti **18 buah kursus** bagi keseluruhan bidang utama di UTM.

**Inisiatif Keempat: Pencipta Pekerjaan**

71. Selain dorongan kepada graduan untuk bekerja dengan mana-mana industri atau organisasi, Universiti turut mengukuhkan kesedaran akan kepentingan keusahawanan (*entrepreneurship*) dalam kalangan pelajar, serta menjadi pencipta peluang pekerjaan melalui penubuhan ***startup company*** atau projek keusahawanan.
72. Inisiatif baharu yang diperkenalkan tahun ini adalah penyasaran sekurang-kurangnya satu ***investible startup venture*** baharu oleh graduan UTM dalam tempoh 1 tahun selepas tamat pengajian.
73. Bagi mencapainya, pendedahan dan penglibatan awal bersama *Venture Capital*, *Angel Investors* mahupun alumni yang berjaya akan dilaksanakan.
74. Ia juga akan disokong dengan aktiviti *Hackathon* untuk mempercepatkan penyelesaian inovatif kepada industri.

**Inisiatif Kelima: Graduan UTM berpandukan ADAB**

75. Pendidikan tinggi pada hari ini **mestalah** membangunkan nilai-nilai integriti, moral, dan kewibawaan insan.
76. Bermula tahun ini, **Indeks Bakat Pelajar** akan dibangunkan, dan menjadi alat yang mengukur dan **mengiktiraf bakat serta nilai** yang ditunjukkan oleh pelajar.

**Inisiatif Keenam: Memperkuuh Sinergi Alumni**

77. UTM mempunyai lebih daripada **200 ribu alumni** yang mana **11,301** merupakan graduan antarabangsa lebih daripada **100 buah negara**.
78. Oleh itu, UTMAumni akan memperkuuh kerjasama sinergistik dengan menubuhkan **Alumni Filantropi** menerusi platform perniagaan dan konsortium jaringan alumni (*Alumni Networking Consortium*).
79. UTM juga akan menubuhkan **enam (6) Global Alumni Chapter** baharu di Arab Saudi, Bangladesh, China

(Kunming), Indonesia (Surabaya & Jogjakarta), dan Turkiye.

80. ***We are happy to be part of their journey.*** Kejayaan Alumni di dunia profesional adalah manifestasi kualiti dan kecemerlangan pendidikan di UTM, dalam membentuk graduan berdaya maju dan tersohor. Beberapa contoh saya berikan.
81. Pertama, Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia dan mantan Naib Canselor ke-5 UTM, banyak menghasilkan karya penulisan yang hasil jualannya disumbangkan ke dalam Tabung Endowmen UTM.
82. Kedua, Yang Berbahagia Profesor Datuk Ir. Dr. Wahid Omar, mantan Naib Canselor ke-6 UTM, masih aktif menyumbangkan buah fikiran dan tenaga bagi melatih pemimpin-pemimpin Universiti, meskipun beliau telah bersara daripada perkhidmatan sejak tahun 2022.
83. Ketiga, Yang Berhormat Dato' Daing A Malek Daing A Rahaman, Tokoh Konglomerat Johor, Penerima Ijazah

Kehormat UTM, telah banyak membantu pelajar UTM yang kurang berkemampuan dalam pelbagai bentuk.

84. Antaranya, bantuan makanan kepada kalangan pelajar B40 UTM dan pemberian Biasiswa Endowmen Daing A Rahaman Mohamad, Biasiswa Endowmen Hitam Abdullah, Biasiswa Endowmen Zainab Baba dan Biasiswa Endowmen Saripah Ahmad.
85. Mr. SK Fong, Pengasas dan CEO Syarikat Semi Conductor Skye Chip juga merupakan alumni UTM yang memberikan peluang pekerjaan kepada graduan UTM.
86. Lebih 70 peratus staf pengurusan dan jurutera Skye Chip adalah graduan UTM.
87. Malah, Skye Chip telah membuka makmal satelit di FKE UTM.
88. **Empat** tokoh alumni ini hanyalah *tip of the iceberg* daripada ribuan alumni UTM yang dilahirkan.

## EDARAN DALAMAN

89. Tahun ini, saya menyasarkan Universiti untuk mengenalpasti **100 alumni tersohor**, agar terjalin kerjasama strategik universiti dengan alumni, seterusnya dapat melahirkan lebih ramai graduan yang berjaya.

## enVision Moonshot 2.0 yang Kedua: Impak Penyelidikan

90. UTM menyahut saranan **Ekonomi Madani** ke arah Malaysia sebagai sebuah negara yang mengangkat taraf kehidupan rakyat dan menjadi ekonomi berdaya maju di rantau Asia.
91. Maka, inovasi penyelidikan penting dalam meningkatkan pengkomersialan harta intelek dalam keperluan meneroka dan **berdaya cipta**.
92. Untuk tahun 2024, fokus yang lebih besar akan diberikan terhadap **kualiti dan impak penyelidikan**, khasnya penyelidikan merentas bidang yang berimpak, pemberdayaan komuniti dan pengukuhan jaringan industri.
93. Sejak enVision UTM 2025 diperkenalkan, salah satu agenda penyelidikan adalah terfokus kepada penghasilan output penyelidikan dalam bentuk harta intelek berciri *hi-tech* dan *deep-tech*.

## EDARAN DALAMAN

94. Justeru pada tahun ini, dengan kapasiti yang sudah terbina, Universiti akan menyasarkan beberapa teknologi ini diangkat ke peringkat seterusnya, iaitu pra-pengkomersialan (*pre-commercialization*).
95. Dalam menjayakan agenda ini, kerjasama sedia ada dan baharu akan diperkasa, dan akan dijalin dengan inisiatif konsortium industri seperti konsortium elektrik dan elektronik (bersama MIMOS), serta makmal satelit seperti satellite CoE *Drone* (bersama Akademi Sukan Drone Kebangsaan).
96. Selain itu, sebagai Universiti Penyelidikan, fokus berterusan akan diberikan terhadap penghasilan *novel discovery* dan penyebaran *novel knowledge*.
97. Universiti akan meningkatkan daya saing hasil penyelidikan melalui penerbitan dalam jurnal-jurnal berprestij bersama **Institusi dan Penyelidik Terkemuka Dunia**.
98. Selain itu, peranan Universiti dalam menterjemah impak daripada penyelidikan akan diteruskan melalui pendekatan *quadruple helix* dalam wahana AIMS4STAR.

99. Sebagai contoh, Universiti baru-baru ini telah meluluskan satu projek penyelidikan yang diketuai oleh Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM) dengan kerjasama beberapa kumpulan penyelidikan merangkumi bidang pelbagai disiplin seperti *heritage preservation, building information system, & geographic information system.*
100. Dalam projek ini, kerjasama *quadruple helix* disasarkan, antara **Kerajaan** (MBJB, Yayasan Warisan Johor), **Komuniti** (persatuan penduduk Johor Bahru, persatuan peniaga) serta **Industri** (industri pelancongan, industri kecil & sederhana).
101. Saya mahukan pendekatan sedemikian dimulakan daripada peringkat awal bagi meningkatkan impak penyelidikan Universiti demi kesejahteraan negeri dan negara.
102. Beberapa program penyelidikan yang berpotensi akan dinaiktaraf kepada konsortium AIMS4STAR.
103. Untuk makluman, program-program penyelidikan yang berskala besar telahpun menuju ke arah pendekatan ***quintuple helix.***

## EDARAN DALAMAN

104. Seharusnya, penyelidikan di universiti dilakukan dengan kerjasama pelbagai pihak luar bagi menjana manfaat lebih besar, menekankan pemindahan pengetahuan (*knowledge transfer*) dan pembinaan kapasiti (*capacity building*) yang berimpak.

105. Namun, inovasi tidak terpikul di bahu penyelidik saja. Saya berharap warga kampus cakna dengan penyediaan dana-dana inovasi untuk staf PPP, seperti **Dana Penggalakan Inovasi Staf PPP (I3P) dan Dana Pemula KIK New Horizon**, dan ambillah peluang ini dengan sebaiknya.

## enVision Moonshot 2.0 yang Ketiga: Kelestarian

**Tuan-tuan dan Puan-puan,**

106. **Kelestarian** merupakan salah satu Nilai Teras UTM.

107. Sehubungan itu, dua inisiatif utama untuk enVision Moonshot Ketiga ini telah dirangka.

### ***Inisiatif Pertama: Kampus Tropika Lestari***

108. Universiti akan membangunkan beberapa projek dan pelan induk kampus UTM Johor Bahru dengan tema **Kampus Tropika Lestari**.

109. Usaha ini selari dengan pelan *UTM Sustainability Blueprint 2030* bagi menzahirkan matlamat **Kampus Sifar Karbon**.

110. Empat (4) projek telah dirancang untuk menyokong pembangunan kampus UTM Johor Bahru yang akan memberikan **impak kelestarian** iaitu: (1) Pembangunan Sistem Air Bawah Tanah Akuifer, (2) Projek tenaga diperbaharui melalui inisiatif tenaga solar, (3) *Single Stream Recycling* (SSR), dan (4) *Campus Resilience Ecosystem*,

iaitu pembangunan empat Geo-site dengan rangkaian Geo-rintis berkonsepkan pendidikan dan pelancongan serta pembangunan Geo-database menggunakan sistem IOT.

### ***Inisiatif Kedua: Rekabentuk Sejagat (Universal Design) Bangunan dan Fasiliti***

111. Pada tahun ini, Universiti akan menaik taraf Kolej Rahman Putra (KRP) sebagai Bangunan Rekabentuk Sejagat dengan sokongan kemudahan Rekabentuk Sejagat, termasuklah fasiliti sukan.

112. Akses bangunan kediaman dan fasiliti kolej akan dilengkapi dengan kemudahan pengangkutan ulang alik **mesra OKU** ke bangunan-bangunan akademik mengikut keperluan.

## enVision Moonshot 2.0 yang Keempat: Transformasi Digital

113. Pelajar adalah **asbab** kewujudan Universiti.
114. Membentuk pengalaman bermakna untuk pelajar adalah penting dalam mewujudkan kehidupan kampus yang menyeronokkan untuk pembelajaran, di samping mempersiap diri pelajar menjadi graduan berorientasikan masa hadapan.
115. Justeru, UTM perlu memperluaskan pengalaman mereka, khasnya melalui inisiatif **Digital Student Experience** selaras dengan pemerksaan agenda Transformasi Digital.
116. Mekanisme pengurusan pelajar akan diperkemaskan lagi dengan berpaksikan “**a lean process**”.
117. Pelajar tidak lagi perlu menggunakan pelbagai sistem bagi mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan, satu keadaan yang menampakkan keperluan kepada sistem yang lebih **bersepadu**.

118. Inisiatif sebegini sudah dijalankan oleh beberapa agensi, namun kelainan yang ingin dibawa oleh UTM adalah dengan menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI).
119. Kesan atau impak daripada inisiatif **Transformasi Digital** ini akan dapat meningkatkan kecerdasan fungsi *UTMSmart* dan seterusnya mencipta limpahan impak daripada aplikasi ini.

### **Pengurusan Bakat**

120. Staf adalah nadi terpenting sesebuah organisasi.
121. Beberapa langkah akan dilaksanakan untuk membangun bakat unggul bagi **kelangsungan (survival)** Universiti dalam pelbagai bidang dan tujuan, berteraskan nilai teras ISES.
122. Sehubungan itu, sejumlah **RM2.7 juta** diperuntukkan untuk peningkatan bakat di UTM.
123. Beberapa langkah telah dan akan terus dilaksanakan untuk membangun bakat unggul bagi kelestarian Universiti dalam pelbagai bidang dan tujuan.

124. Pendekatan Latihan Berasaskan Kompetensi (*Competency Based Training*) yang telah dilaksana mulai tahun 2022 akan dapat memastikan proses pembangunan staf dilaksanakan secara holistik bagi memenuhi keperluan jawatan.
125. Strategi Pemerolehan Bakat (*Talent Acquisition*) harus memberi tumpuan kepada mengenal pasti individu yang bukan sahaja telah memenuhi tahap kompetensi jawatan, tetapi juga mempunyai potensi untuk dibangunkan secara berterusan untuk masa hadapan, terutamanya staf-staf muda, baik staf akademik mahupun staf PPP.
126. Strategi yang mula dilaksanakan mulai tahun 2021 telah dapat membantu Universiti mendapatkan bakat yang berkualiti.
127. Dalam menyediakan program kepimpinan sama ada kepimpinan akademik mahupun institusi, program serta modul pelan penggantian bakat seperti *Leadership Management System*, UTM TORCh, UTM Shine, UTM ACCER, dan CEO@Faculty perlu diperkasakan dengan keperluan terkini bagi mempersiapkan pemimpin untuk masa depan Universiti.

128. Buat semua staf muda dalam kalangan staf akademik dan PPP, anda akan diberikan lebih ruang dan kepercayaan untuk berada di barisan hadapan, selaras dengan salah satu fokus utama 2024 KPT, iaitu **Penyediaan Bakat Terbaik Negara.**

129. Pokoknya, Universiti menyedari bahawa **masa depan UTM** terletak di bahu anda.

***Pengukuhan Kapasiti Digital Melalui Latihan Dan Pendedahan Bersesuaian***

130. Kemahiran dan pengetahuan digital amat penting untuk menjayakan **Transformasi Digital.**

131. Namun, realitinya, tahap kompetensi digital setiap staf adalah berbeza-beza, berfaktorkan dedahan kepada teknologi terkini dan jurang generasi.

132. Justeru, pelbagai program peningkatan kemahiran digital (***digital upskilling***) serta **pemahiran semula (reskilling)** secara **berstruktur** akan disediakan bersesuaian dengan fungsi perjawatan.

133. **STAF** merupakan elemen kritikal dalam Pelan Transformasi Digital UTM.
134. Kesemua lapisan staf di UTM, khasnya ketua-ketua PTJ dan jabatan, mesti memainkan peranan dalam menjayakan agenda Transformasi Digital ini.
135. UTM bakal menjadi peneraju bidang AI di Malaysia.
136. Selaras dengan Pelancaran AI untuk Rakyat oleh YAB Perdana Menteri pada 16 Januari 2024, kerajaan telah mewujudkan platform e-Learning untuk rakyat mempelajari asas AI melalui dua modul iaitu **Modul AI Aware** dan **AI Appreciate** yang boleh dicapai di [www.ai.gov.my](http://www.ai.gov.my).
137. Justeru, bagi staf UTM yang berjaya menyelesaikan dua modul ini, saya mencadangkan agar mata CPD diberikan.

**enVision Moonshot 2.0 yang Kelima: Kesohoran Global**

**Hadirin sekalian,**

138. Visi UTM ialah untuk menjadi **Universiti Terkemuka Menyediakan Pendidikan dan Penyelidikan Bertaraf Dunia.**
139. UTM perlu **berbeza** dengan institusi lain serta mengukuhkan penjenamaan **global**.
140. Justeru, **enam (6) pelan tindakan utama** akan dilaksana.

**Pertama: Misi Pengantarabangsaan Strategik**

141. UTM akan terus memperkasakan misi pengantarabangsaan yang dikenali sebagai “**Vice-Chancellor Asia Tour 3.0**” ke beberapa buah negara, khasnya **China, Arab Saudi, Korea Selatan dan Jepun.**
142. **Dasar Pandang ke Timur** akan terus diberikan tumpuan.

143. UTM tidak boleh ketinggalan dalam mewujudkan peluang kerjasama dengan negara China yang kini dilihat sebagai “**economic powerhouse**” di mata masyarakat antarabangsa.
144. Negara-negara di **Eropah** juga perlu diberikan tumpuan dengan lebih berstrategik.
145. Buat julung kalinya, UTM menerusi Pejabat UTM International telah dicalonkan sebagai ***Erasmus+ National Focal Point***.

**Kedua: Pengukuhan Penarafan Antarabangsa Universiti**

146. Pernah saya nyatakan sebelum ini bahawa “***ranking is not everything but everybody is talking about ranking.***”
147. UTM harus berada pada kedudukan yang baik dalam **QS World University Ranking** dan **Times Higher Education (THE) World University Ranking** agar pelajar dan entiti penyelidikan antarabangsa memilih UTM sebagai destinasi pilihan mereka.

148. Alhamdulillah, pada tahun 2023, UTM telah mencatat pencapaian yang membanggakan dengan **kedudukan No 1 di dunia dalam SDG 7 (Affordable & Clean Energy)** dan **No 39 untuk SDG 9 (Industry, Innovation & Infrastructure)** bagi *THE Impact Ranking*.
149. **THE Impact Ranking** adalah penting sebagai cerminan komitmen UTM bagi mengangkat SDG dalam segenap aktiviti akademik dan penyelidikan, khasnya dalam **mencipta impak kepada komuniti dan industri**, serta peluang memperoleh **geran antarabangsa**.
150. Pada masa yang sama, **Taskforce Penarafan Global UTM** juga telah membangunkan 10 strategi utama bagi meningkatkan kedudukan Universiti dalam posisi **QS Top 100** dengan peruntukan sebanyak **RM8.0 juta**.

**Ketiga: Program Antarabangsa Berimpak Tinggi “Bring the World to UTM, Bring UTM to the World”**

151. UTM akan menjadi tuan rumah kepada penganjuran **Program The World Technology Universities Congresses (WTUC)** di Johor Bahru pada bulan September 2024.
152. Program berimpak ini dijangka akan meningkatkan lagi jaringan kerjasama dengan universiti antarabangsa yang lain.
153. UTM juga akan menyertai **Asia-Pacific Association for International Education (APAI 2024)** pada bulan Mac 2024, di Perth, Australia dan **The 34th Annual EAIE Conference and Exhibition (EAIE2024)** pada bulan September 2024 di Toulouse, Perancis.

***Keempat: Pemerkasaan Keahlian dalam Konsortium Antarabangsa***

154. UTM akan turut memperkasakan peranan sebagai **Pengerusi bagi Asia Technological University Network (ATU-Net)** yang mempunyai 38 keahlian dari pelbagai negara seperti China, India, Jepun, Indonesia, Thailand, dan lain lain lagi.
155. Untuk tahun 2024, UTM **mensasarkan 7 keahlian baharu terutama dari negara-negara Timur Tengah** untuk ATU-Net.
156. ***Malaysia Japan Linkages Office*** di MJIIT juga telah diwujudkan bagi mempertingkatkan hubungan dengan institusi di Jepun yang merangkumi universiti dan industri.
157. Sebanyak **20 projek** yang disasarkan hasil daripada kerjasama tersebut dijangka akan melonjakkan aktiviti penyelidikan, pembelajaran dan penjanaan kewangan.

**Kelima: Pengiktirafan Antarabangsa bagi Program Akademik**

158. UTM turut akan memperluas pengiktirafan beberapa program akademik dari **ASEAN University Network-Quality Assurance (AUN-QA)** dan **European Association for Quality Assurance in Higher Education (ENQA)**, serta mendapatkan pengiktirafan **Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB)** bagi Azman Hashim International Business School (AHIBS).

**Keenam: Pemerkasaan Penjenamaan Global UTM**

159. Keterlihatan dan reputasi Universiti berkait secara langsung dengan reputasi staf-staf akademik UTM dalam pelaksanaan penyelidikan dan penerbitan ilmiah berimpak, selain melahirkan **ribuan alumni yang berjaya**.

160. Pada tahun ini, ingin saya melihat reputasi dan penjenamaan UTM diperhebatkan, dan Universiti ini dikenal seantero dunia sebagai Universiti tersohor di Malaysia berteraskan **Sains, Teknologi dan Kejuruteraan**.

## EDARAN DALAMAN

161. Pada tahun 2023, kita telah mendapat perlesenan penamaan **Stesen MRT-Raja Uda UTM** untuk tempoh 3 tahun.
162. Keterlihatan **Kampus UTM Kuala Lumpur** perlu diposisikan sebagai “**window of international**” agar menjadi pemangkin kepada aktiviti pengantarabangsaan berimpak.
163. Pada tahun ini juga, penggunaan **media baharu** akan dioptimumkan dengan beretika, dan penerbitan **kandungan digital** yang lebih menarik, seiring perubahan zaman.

## 5) Tadbir Urus Baik

164. Urus tadbir merupakan satu komponen yang kritikal dalam memastikan **Kelestarian (*Sustainability*)** kepada kewujudan institusi, khasnya universiti.
165. Mulai tahun 2024, Universiti akan mengadaptasikan kerangka **ESG - *Environmental, Social & Governance*** bagi memperkuuh urus tadbir Universiti.
166. Dalam kerangka ESG ini, Universiti akan meningkatkan keterlibatan pelbagai pihak dalam membawakan perspektif yang lebih inklusif, pelbagai, dan saksama (***inclusive, diverse & equitable***), bagi menjamin urus tadbir **mampan (*sustainable*)** untuk jangka masa panjang.
167. Kerangka ESG juga akan digunakan dalam langkah mencegah amalan rasuah, salah guna kuasa, serta amalan tidak berintegriti.

## **6) Agihan Bajet - Kewangan**

**Tuan-tuan dan Puan-puan,**

168. UTM telah mengambil langkah proaktif dengan memformulasikan model pendapatan kewangan baharu.
169. Model ini merangkumi **tujuh (7) kluster** pendapatan universiti iaitu **akademik, penyelidikan, aset, endowmen, wakaf, pelaburan, dan dividen.**
170. Justeru, ingin saya umumkan Agihan Belanja Mengurus Tahun 2024 bertemakan “**Belanjawan Berfokus, Memperkasakan Sumber Kewangan**”, berjumlah **RM170.9 Juta** yang diagihkan kepada lima (5) fokus utama seperti berikut.
171. Fokus pertama, RM35.4 Juta diagihkan untuk **Kebajikan, Pembangunan & Kemudahan Pelajar, antaranya:**
  - Biasiswa NEXUS UTM sebanyak RM1.9 Juta.
  - Kecemerlangan Sukan Pelajar sebanyak RM700 ribu.

172. Fokus kedua, RM26.3 Juta diagihkan untuk **Kebajikan, Pembangunan Kompetensi dan Manfaat Staf.** Ini merupakan peningkatan agihan sebanyak RM6.9 juta berbanding tahun 2023. Justeru:

- Bayaran insentif awal RM 2 ribu per staf bergred 56 ke bawah akan dibayar pada gaji bulan Februari 2024 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM12 Juta.
- RM2.7 Juta peruntukan untuk Pembangunan Kompetensi & Latihan Staf.

173. Fokus ketiga, RM11.4 Juta diagihkan untuk **Kemudahan Infra & Peralatan ICT.** Agihan ini meliputi:

- Peningkatan daripada RM600 ribu kepada RM5.4 juta bagi pembangunan tiga (3) sistem utama universiti iaitu Sistem Kewangan, Sumber Manusia dan Akademik.
- Inisiatif *Bring Your Own Device* (BYOD) akan diteruskan dengan agihan RM1.5 Juta secara berfasa yang akan memberi manfaat kepada 10% staf UTM.

174. Fokus Keempat, RM92.8 Juta diagihkan untuk **Kemudahan, Fasiliti & Penyelenggaraan**. Agihan ini meningkat sebanyak 6% berbanding tahun 2023. Antaranya:

- Pembaikan dan naik taraf Makmal Pembelajaran & Pengajaran (P&P) sebanyak RM1.5 Juta diagihkan pada tahun ini berbanding RM450 ribu pada tahun 2023.

175. Fokus Kelima, **agihan RM 5 Juta** untuk **enVision UTM 2025 Pelan Tindakan 2024**.

## 7) Penutup

**Tuan-tuan dan Puan-puan,**

176. Insya-Allah, bagi tahun 2024 ini, saya dan pasukan pengurusan UTM akan mengadakan **Siri Jelajah ‘Rasmi’ dan ‘Tidak Rasmi’ Naib Canselor** ke semua fakulti dan pusat tanggungjawab (PTJ) terpilih pada tahun ini.
177. Ambillah peluang ini sebaik-baiknya untuk mengemukakan saranan dan isu penting yang harus diberikan perhatian oleh pihak pengurusan Universiti.
178. Sebelum saya ke fasa akhir amanat ini, izinkan saya berkongsi hadis berkaitan amanah dan mutiara kata untuk anda semua pada hari ini, iaitu:
179. Daripada Anas Radhiyallahu Anhu, beliau berkata: Rasulullah SAW berkhutbah kepada kami, baginda SAW bersabda: **“Tidak ada iman bagi orang yang tidak memiliki (sifat) amanah, dan tidak ada agama bagi orang yang tidak menepati janjinya”** (Riwayat al-Baihaqi: 4354).

180. ‘*Be an excellent and exemplary role model, uphold **INTEGRITY** at the highest level. Create an impactful legacy, in the Name of God for Mankind’.*
181. Untuk menjamin status UTM pada masa kini (**Safeguarding the Current**), saya bertekad untuk **TERUS MEMELIHARA STATUS DAN MARUAH UNIVERSITIINI SEBAGAI UNIVERSITI PENYELIDIKAN DAN KEKAL MEMPEROLEH STATUS SWA-AKREDITASI.**
182. Pada masa sama, saya, pasukan pentadbiran Universiti, dan kita semua bertanggungjawab **MELAKAR MASA DEPAN UNIVERSITIINI (Shaping The Future)** dengan ramuan *UTM Corporate Niche*.
183. Kelestarian (*Sustainability*) Universiti pada masa depan juga amat bergantung kepada **bakat** yang kita miliki. Saya mahukan bakat-bakat ini, baik staf akademik atau PPP, dijaga, dilatih dan digilap potensi dengan sebaik-baiknya kerana **MASA DEPAN** universiti ini terletak di bahu kita.

184. Insha-Allah, UTM akan kekal berdiri teguh, pada masa kini dan masa depan, sebagai sebuah **INSTITUSI PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN** yang **MENGINOVASI TEKNOLOGI & MEMBUDAYA INTEGRITI**.

185. Sekian, terima kasih.

**UTM, MENGINOVASI PENYELESAIAN  
KERANA TUHAN UNTUK MANUSIA**

Wassalamualaikum wrh wbt.



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

*Majlis*  
**AMANAT**

**NAIB  
CANSELOR  
2024**

Menginovasi Teknologi, Membudaya Integriti

**KERANA TUHAN  
UNTUK MANUSIA**

<https://chancellery.utm.my/vicechancellor/>